

18 APR 1996

KUMPULAN PERTAMA 200 UNIT PROTON WIRA KINI DI CROATIA

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 18 April (Bernama) -- Kumpulan pertama 200 buah kereta Proton Wira kini berada di pasaran Croatia, kata pengurus perniagaan antarabangsa Proton Corporation Sdn Bhd, Norzahid Mohd Zahudi.

Hantaran pertama itu menandakan kemasukan Proton ke pasaran eksport yang ke-31, kata Norzahid yang telah menjaga ruang pameran Proton di Pameran Keluaran-keluaran Malaysia di pameran Zagreb di sini sejak Isnin lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan dengan rasminya pameran itu yang bermula Isnin.

Dr Mahathir, kini melakukan lawatan rasmi sehari ke Croatia, diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut bersama di dalam rombongan rasmi itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Kereta Proton, yang kini berada di pasaran Eropah Barat seperti Perancis, Jerman dan Belgium, diedarkan di Croatia oleh Niva Petrol, sebahagian daripada Niva Group yang diasaskan oleh Nikica Valentic, bekas Perdana Menteri Croatia.

Niva Group diasaskan pada 1995 dan mempunyai rangkaian anak-anak syarikat di Croatia, Eropah dan Asia.

Proton, kata Norzahid, menjangka menjual 500 unit dalam tahun ini dan 800 unit tahun depan di Croatia.

Proton Wira, katanya telah ditawarkan di Eropah sejak permulaan tahun 1995 dan pasaran tambahan ini akan membolehkan pemindahan antara negara berlaku. Model yang dijual ialah 1.5 GLSi dan 1.6 GLXi, manual dan automatik.

Model-model itu muncul dalam versi empat atau lima pintu dalam lapan warna.

Proton, katanya, telah memperolehi jualan yang teguh di Eropah dan muncul sebagai buatan paling laris di United Kingdom.

Proton menjangka akan mengeksport sehingga 30,000 unit bagi tempoh jualan 1996/97. Ia mengeksport 116,595 unit di antara 1986 dan Februari 1996, yang merupakan tahun ke-11 pengeluarannya.

Kereta Proton mula dikeluarkan di kilang pemasangan di Shah Alam, Selangor, pada 1985. -- BERNAMA

SS OS DIS